

Pelabur Taiwan diingat jadi rakan kongsi yang bertanggungjawab

UM 28 MAR 1990

KUALA LUMPUR 27 Mac — Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menasihatkan pelabur - pelabur Taiwan supaya menjadi rakan kongsi yang bertanggungjawab kerana sebarang langkah tidak jujur boleh merosakkan hubungan perniagaan di masa akan datang.

Perdana Menteri menegaskan bahawa keinginan yang semakin meningkat terhadap pelaburan Taiwan memerlukan syarikat - syarikatnya bertindak dengan penuh bertanggungjawab dan menjadi anggota korporat yang baik.

Kerajaan, tegas Dato' Sri Dr. Mahathir, sentiasa mengamalkan sikap menerima pelaburan asing kerana ia adalah salah satu faktor untuk meningkatkan pertumbuhan ekonomi dan perindustrian.

Berucap merasmikan mesyuarat kali pertama Persatuan Pelabur - Pelabur Taipei di sini hari ini beliau berpendapat, peningkatan pelaburan Taiwan adalah disebabkan beberapa faktor mendesak seperti kenaikan nilai matawang baru Taiwan, kenaikan kadar gaji, kekurangan tenaga kerja dan penghapusan taraf GSP.

Katanya, peningkatan yang memberangsangkan itu juga disebabkan beberapa faktor tarikan di negara ini seperti kestabilan politik, kerajaan yang sama sejak merdeka dan kesinambungan dasar yang membolehkan pelabur menjalankan perniagaan dengan selesa.

"Kejayaan syarikat - syarikat Taiwan menempatkan semula kilang - kilang mereka dan keuntungan yang diperolehi membuktikan bahawa Malaysia adalah salah sebuah negara yang paling menarik untuk melabur di Asia Tenggara," ujar beliau.

Menurut Perdana Menteri, walau apapun tarikan yang terdapat di beberapa negara yang menjadi pilihan pelabur, faktor paling penting yang diambil berat oleh mereka ialah sikap kerajaan dan rakyat di negara berkenaan.

Menyentuh tentang pelaburan Taiwan, beliau memberitahu, negara tersebut merupakan pelabur terbesar di Malaysia dalam bentuk projek - projek pengilangan yang diluluskan sejak dua tahun lalu.

"Pada tahun 1987, Taiwan menduduki tempat ketiga. Mereka mengambilalih tempat Jepun di tangga kedua pada tahun 1988. Setahun kemudian Taiwan menduduki tangga teratas untuk mengatasi Singapura," katanya.

Dari segi kewangan, ujar beliau, Taiwan menduduki tempat kedua dengan pelaburan sebanyak \$3,200 juta tahun lalu.

Perdana Menteri menjelaskan, untuk mengurangkan kerenah pentadbiran, kerajaan melaksanakan beberapa langkah yang boleh membantu para pelabur seperti menubuhkan Pusat Pelaburan di Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA).

Katanya, konsep yang sama juga dilaksanakan oleh Perbadanan - Perbadanan Ekonomi Negeri.

Dato' Sri Dr. Mahathir gembira kerana hampir 95 peratus daripada projek yang dijalankan oleh Taiwan dilaksanakan secara usahasama dengan pelabur tempatan.

Menurutnya, dalam tahun 1988, sebanyak 298 projek pelaburan Taiwan diluluskan dengan modal pelaburan yang dicadangkan sebanyak \$2,900 juta.

"Jumlah projek ini lebih besar daripada jumlah kesemua projek Taiwan yang diluluskan sebelum 1988," katanya.

Bercakap kepada para pemberita selepas majlis tersebut, Perdana Menteri berkata, beberapa tahun sebelum ini Taiwan merupakan sebuah negara yang jauh di belakang Malaysia dari segi pendapatan per-kapita penduduknya.

Bagaimanapun, dengan kebolehan, keberanian, kecukupan dan kemahiran teknologi yang mereka miliki, pendapatan per-kapita penduduknya sekarang ialah AS\$7,000 berbanding \$2,000 bagi penduduk di Malaysia.

Menurut Dato' Sri Dr. Mahathir, pelabur Taiwan juga lebih bersedia menerima rakan kongsi tempatan dalam industri mereka yang berorientasikan eksport dan memberi perhatian kepada kedudukan Malaysia sebagai sebuah negara berbilang kaum.